

BAHAGIAN DUA

KEPRIHATINAN CINTA BAHASA SEBAGAI WADAH PENGUKUHAN KAUM DI MALAYSIA

Dr Rashidi Abbas

Pengarah

Pusat Islam dan Pembangunan Insan

Universiti Malaysia Pahang

Hangat diperbahaskan oleh rakyat tentang kecelaruan bahasa Melayu di persada negara sendiri. Kecelaruan bahasa merujuk kepada kecacatan dari segi pemahaman atau penggunaan bahasa dalam bentuk pertuturan, penulisan dan simbol. Anak-anak muda sudah hilang kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu baku yang akan lebih menyerlahkan keintelektual semasa. Mereka lebih selesa dengan gaya dan pengucapan semasa yang mengabaikan semua aspek dari hukum tata bahasa itu sendiri. Bahkan kadang-kadang golongan dewasa tidak memahami apa yang dipertuturkan oleh golongan muda ini, sehingga hilang perwatakan sebagai bangsa Melayu yang satu ketika dahulu gah dengan bahasa *lingua francanya* yang tersebar di merata tempat.

Apa kaitanya kecelaruan dengan kecintaan bahasa ini? Nah, inilah topik perbincangan yang akan diketengahkan supaya kenapa kita perlu mengekalkan warisan kemahiran bahasa ini terutamanya bahasa Melayu, walau di mana kita berada. Belum lagi isu percampuran bahasa Melayu dan Inggeris yang tidak terkawal sehingga di cop sebagai bahasa rojak yang merosakkan keindahan seni bahasa Melayu itu sendiri. Apa peranan kita sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kehormatan? Di sinilah letaknya ujian kepada kita semua untuk terus berkorban atau terkorban dengan fenomena semasa.

Asas cinta dan kasih kepada bahasa akan mengalir dari dalam diri sendiri dahulu kemudian baharulah perpindahan berlaku ke tempat lain. Oleh sebab itu, persepsi kita sendiri terhadap bahasa Melayu perlu diluruskan terlebih dahulu sebelum persekitaran beradaptasi dengan bahasa tersebut. Kita perlu memandang tinggi dan meletakkan bahasa Melayu ini adalah satu bahasa yang mempunyai nilai peradaban dan seni yang hebat. Jangan merasa malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan jadikan ia sebagai satu kebanggaan serta penghormatan yang setara dengan bahasa Inggeris atau bahasa yang lain. Hilangkan andaian dan tanggapan bahawa bahasa Melayu "low class" dan tidak mempunyai nilai estitika sekiranya dipertuturkan. Kalau bukan kita yang mengangkatnya, siapa lagi yang akan

bertanggungjawab untuk mengangkatnya? Bagaimana untuk memupuknya? Sematkan pada anak-anak dengan perkara-perkara yang positif dan baik serta menjelaskan kenapa peri pentingnya bahasa Melayu ini perlu dijaga. Lama kelamaan minda penerimaan mereka akan menjadi positif apabila perkara positif sering mewarnai minda mereka. Batu loncatan asas datang dari unit kecil terlebih dahulu iaitu unit keluarga untuk memulakan kepercayaan terhadap bahasa Melayu. Penyerlahan kemelayuan perlu disokong oleh persekitaran yang berada di sekeliling unit kecil ini agar ada kesinambungan penghayatan antara generasi dengan generasi berikutnya. Bantulah bahasa Melayu agar tidak layu di persada tanah air kita.